

# Wanita warga asing masuk secara haram dipenjara dan diusir

**MIRI:** Seorang wanita warga asing dijatuhi hukuman penjara lima bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas kesalahan masuk ke negeri ini secara haram.

Mahkamah turut merintahkan tertuduh dirujuk ke Jabatan Imigresen untuk tujuan pengusiran setelah selesai menjalani hukuman penjara kelak.

Hadhirah, 45, dari Indonesia, telah didakwa di bawah Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63

(Pindaan 2002) dan dihukum di bawah Seksyen 6 (3) akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali serta boleh disebat sehingga enam kali jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh telah ditahan kira-kira jam 2.30 petang, 21 Oktober lalu di hadapan sebuah premis di Marudi untuk tujuan pemeriksaan

kerana disyaki pendatang asing tanpa izin (PATI).

Hasil pemeriksaan mendapati tertuduh yang berrasal dari Indonesia gagal mengemukakan sebarang dokumen perjalanan sah yang membenarkan dia memasuki dan tinggal di negara ini.

Berikutan itu, tertuduh telah ditangkap dan dibawa ke Balai Polis Pusat Miri untuk tindakan lanjut.

Pendakwaan dilakukan ASP Joyce Sagai di hadapan Hakim Azreena Aziz.